

Ribuan ikan gelama muncul

Nelayan pesisir pantai Tanjung Lumpur berjaya naikkan lebih dua tan ikan

NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

KUANTAN

Kemunculan ribuan ikan gelama di kawasan pesisir pantai di Kampung Anak Air, Tanjung Lumpur menggemparkan orang ramai selepas tular di media sosial kelmarin.

Dalam tular itu, kumpulan nelayan pesisir pantai berjaya menaikkan lebih dua tan ikan gelama se-

hingga ada beranggapan ia satu fenomena aneh kerana tidak pernah berlaku kemunculan ikan gelama sebanyak itu di kawasan pantai berkenaan.

Netizen turut memuat naik gambar kejadian sehingga kawasan pantai berkenaan seolah-olah menjadi tapak pesta apabila ramai orang turun ke pantai sebaik nelayan pulang untuk mendapatkan ikan berkenaan pada harga borong.

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, fenomena itu biasa berlaku di kawasan pesisir pantai lain di sekitar daerah itu sebelum ini dan tidak menolak ia berpunca daripada peralihan angin Monsun Timur Laut yang juga musim udang baring bertumpu di pesisir pantai

Kronologi kemunculan ikan gelama di Kuantan:

Mac 2019 - Nelayan sekitar Kampung Sungai Karang menggunakan pukat menaikkan lebih dua tan ikan gelama selepas dikesan muncul dalam jumlah yang banyak di pesisir pantai berkenaan.

November 2017 - Ribuan kilogram ikan gelama berjaya dinaikkan nelayan pantai di sekitar Pantai Batu Hitam dan Balok berikutnya musim udang baring.

sekaligus menarik kumpulan ikan gelama ke pantai berkenaan untuk memakan udang-udang kecil itu.

"Fenomena ini berlaku mungkin disebabkan fak-

tor makanan ikan-ikan ini selain faktor lain termasuk faktor arus dan keadaan muka bumi kawasan pantai tersebut.

"Kemungkinan kehadiran ikan-ikan gelama ini turut berlaku di pantai-pantai lain tapi jumlahnya mungkin tidak banyak berbanding di kawasan pesisir pantai di Kampung Anak Air," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azahari berharap orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kejadian dengan petanda bencana alam dan sebagainya.

"Fenomena ini perkara biasa kerana pada Mac lalu ia berlaku di pantai di sekitar Pantai Batu Hitam dan Balok dan mungkin kali ini menjadi rezeki nelayan di sini pula," katanya.



Gambar ikan gelama yang dinaikkan nelayan sebelum dijual secara borong kepada orang ramai yang dikongsikan netizen melalui media sosial Facebook kelmarin.